



KENYATAAN TENDER

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI (ARBORIKULTUR) DI ZON 2 - KAWASAN KEJIRANAN PRESINT 12, 14, 15, 16, 17, 18, KAWASAN JALAN PROTOKOL PRESINT 5 DAN 6 DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH 36 BULAN.

(NO. TENDER : PPj/JL/T/0004/2025)

1. Tender adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (MOF)** dalam kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas. Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini boleh layari laman <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage> bagi tujuan pendaftaran kontraktor/syarikat.
2. Maklumat Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS TALIAN (FPX)	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) 221002 - MEMBERSIH KAWASAN DAN 221003 - MENGANGKAT SAMPAH DAN TERBUKA	30 April 2025 (Rabu) 10:00 pagi Panggung Mawar Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675. Wilayah Persekutuan Putrajaya LAWATAN TAPAK 30 April 2025 (Rabu) Sekitar Zon 2 Putrajaya (DIWAJIBKAN)	5 Mei 2025 (Isnin) sehingga 19 Mei 2025 (Isnin) web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	Ringgit Malaysia RM 300.00 (Tidak Dikembalikan) web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	27 Mei 2025 (Selasa) 12:00 tengah hari Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya

3. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender dan menyemak Dokumen Meja Tender di pautan berikut <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Taklimat dan lawatan tapak tender akan diadakan pada **30 April 2025 (Rabu), jam 10:00 pagi** di **Panggung Mawar Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675. Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Hanya pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan di dalam Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) dan Cap Syarikat.
5. Tender ini akan ditutup pada **27 Mei 2025 (Selasa), jam 12:00 tengah hari**. Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
6. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak). Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen tender**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my / bantuan.coins@ppj.gov.my untuk sebarang pertanyaan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT:
(<https://www.ppj.gov.my/>); (<https://jpm.gov.my/>) dan (<https://myprocurement.treasury.gov.my/>)